

12 AUG 1998

Ling-Pelabuhan

MESYUARAT BERHUBUNG PENGGUNAAN PELABUHAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Kabinet mengenai usaha-usaha menjadikan pelabuhan-pelabuhan tempatan, khususnya Pelabuhan Klang sebagai pusat memungghah terkemuka.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, mesyuarat itu akan turut membabitkan wakil-wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dewan-dewan perniagaan, penghantar fret, pengangkut, pengimport dan pengeksport serta semua pihak dalam sektor pengangkutan.

Jawatankuasa itu akan menggariskan pelan dan strategi bagaimana memastikan pelabuhan-pelabuhan tempatan boleh menjadi pusat memungghah yang cemerlang dan tarikh mesyuarat itu akan ditentukan kelak, kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini.

"Usaha menjadikan pelabuhan-pelabuhan tempatan sebagai pusat memungghah terkemuka kini satu langkah lebih tinggi kerana Kabinet berpendapat tanggungjawab itu bukan hanya terletak pada pelabuhan-pelabuhan itu ataupun pada Kementerian Pengangkutan sahaja.

Dr Ling menyeru mereka yang berperanan dalam sektor pengangkutan supaya memberikan kerjasama ke arah menjadikan pelabuhan-pelabuhan tempatan sebagai pusat memungghah terkemuka.

"Kita harus menjadikan pelabuhan-pelabuhan kita sebagai pusat memungghah yang cekap memandangkan kegawatan sekarang ini kerana kita akan dapat elakkan aliran keluar ringgit. Inilah kenapa kita menggalakkan produk-produk tempatan dan kita menyeru semua pihak terbabit supaya menggunakan pelabuhan tempatan dengan objektif yang sama," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting ialah usaha ini memerlukan perhatian segera kerana senario industri perkapalan kini berubah di seluruh dunia.

"Syarikat-syarikat perkapalan bersatu menjadi syarikat gergasi dan kapal-kapal juga terus bertambah besar. Mereka semakin besar dan mereka akan hanya pergi ke pelabuhan-pelabuhan dengan kargo yang banyak dan mungkin mengetepikan pelabuhan-pelabuhan kecil," katanya.

Dr Ling berkata, jika Pelabuhan Klang boleh dijadikan pusat memungghah semua kapal dalam laluan utama akan singgah di situ dan dengan itu akan wujud rangkaian hubungan yang cekap di pelabuhan itu.

"Ini baik bagi perniagaan dan negara akan mendapat manfaat serta akan wujud kawasan pertumbuhan yang baru daripada segi perkhidmatan bunkering, membaiki dan membina kapal.

Ini akan membawa pelbagai kesan sampingan positif kepada negara kerana kita bukan sahaja akan menjimatkan wang tetapi juga mendapat keuntungan daripada aktiviti-aktiviti ini," katanya.

-- BERNAMA

ARA PR